

Memahami Hubungan Gerakan Syiah Antarabangsa dengan Syiah di Malaysia: Penilaian di Facebook

Muhamad Faisal bin Asha'ari
Mohamad Jarpani bin Syopiyan

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan hubungan gerakan Syiah antarabangsa dengan Syiah di Malaysia melalui pemerhatian di Facebook. Untuk itu, antara aspek yang diketengahkan adalah keseragaman mesej propaganda, pembinaan imej tokoh Syiah dan politik simpati. Dewasa ini Facebook memainkan peranan signifikan dalam membentuk persepsi dan tindakan kolektif terhadap sesuatu perkara. Dalam pada itu, Syiah hari ini semakin aktif memanfaatkan medium ini untuk membina imej mereka agar di terima oleh massa. Ledakan gerakan Syiah di beberapa belahan dunia memberikan satu kesimpulan Syiah semakin agresif membina pengaruhnya dalam masyarakat antarabangsa. Penglibatan politik pemimpin Syiah di Iran, Lubnan, Syria, Iraq, Arab Saudi dan terbaru di Yaman, mempunyai pengaruhnya ke atas pergerakan Syiah di seluruh dunia, khasnya di Malaysia. Beberapa dapatan kajian Facebook menjelaskan psikologi dan tingkah laku generasi siber dewasa ini sangat berkait rapat dengan akses yang kerap terhadap Facebook. Menyedari hakikat ini, artikel ini akan memberikan satu gambaran awal hubungan yang wujud antara Syiah di Malaysia dengan Syiah antarabangsa.

Kata Kunci

hubungan, gerakan Syiah, Facebook, propaganda, motif politik

Pengenalan

Kejayaan Ayatollah Khomeini mendirikan negara Republik Islam pasca Revolusi Iran 1979 telah menaikkan imej gerakan Syiah sebagai suatu kuasa politik yang berpengaruh. Pada permulaannya kuasa politik Syiah di Iran menjadi inspirasi kepada masyarakat Islam sedunia khasnya gerakan Islam untuk menggerakkan massa menentang pemerintahan yang diktator dan korup. Lantaran itu usaha mempromosikan kerajaan republik pimpinan Ayatollah Khomeini pada dekad 80-90an begitu rancak agar membentuk satu persepsi global bahawa kerajaan itu merupakan pelaksana undang-undang Islam dan pencabar hegemoni kuasa Barat (John L. Esposito, 1990). Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Aizam Mas'od (2013), pengukuhan kuasa politik Syiah di Iran di implementasikan melalui penggubalan Perlembagaan Iran dengan menjadikan Islam Mazhab Ja'fari (Imam) 12 sebagai agama rasmi yang tidak boleh dipinda sama sekali. Karisma yang ditonjolkan oleh Ayatollah Khomeini lewat dalam penerbitan Islami zaman itu seperti ucapan dan kata-kata, merupakan strategi memindahkan semangat dan

pemikirannya kepada negara umat Islam. Usaha mempengaruhi tokoh-tokoh Muslim yang berpengaruh direkodkan sendiri oleh Ashaari Muhammad (1987) bahawa kerajaan Iran telah mengadakan beberapa pertemuan dan seminar antarabangsa dengan menjemput tokoh-tokoh Muslim dari seluruh dunia. Ini bagi menunjukkan kepada mereka bahawa negara republik itu berjaya menegakkan hukum-hakam Islam dalam negara dan sekaligus menjadikan negara Iran sebagai contoh ikutan.

Dekad 80-an memperlihatkan sentuhan Revolusi Iran telah mendorong kesedaran Islam begitu marak dalam gerakan pelajar dan anak muda. Konsep autoriti ulama dan pelaksanaan undang-undang Islam oleh Ayatollah Khomeini begitu menggamit perhatian golongan Islamis. Pengaruh ini telah membawa kepada tindakan menghantar pelajar Malaysia untuk belajar di institut pengajian tinggi di Iran, di samping mendapat tawaran biasiswa dari kerajaan republik itu (Ashaari Muhammad, 1987). Begitu juga laporan menyatakan adanya beberapa siri lawatan ahli pemuda PAS ke Iran dengan tujuan mengkaji dan menilai kejayaan golongan ulama dan intelektual Islam di sana mengisi kemenangan. Rentetan itu PAS telah dituduh cuba membawa masuk semangat revolusi menerusi resolusi Dewan Pemuda PAS untuk menegakkan kepimpinan ulama. Haji Yusuf Rawa telah menjawab tuduhan tersebut dengan mengatakan bahawa Revolusi Iran memang memberikan inspirasi kepada PAS, tetapi menggerakkan revolusi seperti itu adalah tidak bersesuaian untuk warga Malaysia (Badlihisam Mohd Nasir & Napisah Karimah Ismail, 2011; Riduan Mohamad Nor, 2004). Ironinya dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini perubahan pendirian dan sikap yang ditunjukkan oleh Republik Iran lewat dalam beberapa isu global yang melibatkan kepentingan umat Islam menampakkan watak sebenarnya pendokong fahaman ekstrem ini. Ini termasuklah semasa Perang Teluk antara Iran dan Iraq, Perang Kuwait dengan Iraq dan peristiwa Shabra dan Shatila yang melibatkan ribuan rakyat Palestin mati terbunuh.

Sebagai gerakan yang memiliki cita-cita politik, Syiah berusaha mengekalkan eksistensi dan pengaruhnya dalam dunia Islam dengan kemajuan sistem perhubungan dan akses Internet. Kelebihan ini memberikan ruang selesa buat gerakan Syiah berinteraksi secara global dan terbuka. Kebebasan dalam mengekspresikan pandangan, membentuk kumpulan rahsia, memuat turun video dan audio dan beberapa fungsi yang menarik adalah modus operandi gerakan Syiah dalam mempengaruhi dan merekrut lebih ramai pengikutnya dari kalangan Sunni. Sehingga kini, kelompok Syiah di seluruh dunia mewakili 2.3-2.9 peratus dari populasi dunia (6.8 bilion) dan 10-13 peratus dari jumlah Muslim sedunia, yakni antara 154 dan 200 juta Muslim Syiah (Pew Research Centre, 2009). Meskipun pengikut Syiah adalah kelompok minoriti di Malaysia, komunikasi terbuka serta konsisten yang digerakkan oleh pengikut Syiah menggunakan medium Facebook ada signifikannya kerana keupayaannya dalam memobilisasi ahli secara sistematik. Dapatan kajian terkini menjelaskan penggunaan peranti dengan aplikasi Facebook mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkah laku manusia serta dalam membuat keputusan. Begitu juga kesan daya kognitif dan psikologi turut mampu dipengaruhi oleh penggunaan Facebook.

Perkongsian pengalaman dan emosi adalah sebahagian daripada aktiviti utama pengguna Facebook, dan ini akan menarik perhatian pengguna untuk mengikutinya dengan lebih mendalam (Beth Anderson, Patrick Fagan, Tom Woodnutt & Tomas Chamorro-Premuzic, 2012). Berdasarkan situasi interaksi global antara pengikut dan pendokong Syiah ini, artikel ini akan menilai secara kritis aspek-aspek hubungan yang berlaku antara gerakan Syiah di Malaysia dengan perkembangan Syiah di peringkat antarabangsa.

Globalisasi Syiah Menerusi Kemajuan Teknologi

Kemajuan teknologi serta sistem perhubungan telah menjadikan autoriti pemimpin gerakan Syiah ke atas pengikutnya semakin meluas sehingga memudahkan pergerakan dan pemusatan ahlinya di seluruh dunia. Hal ini dijelaskan oleh Stephan Rosiny (2007) menerusi buku yang dikarang oleh sarjana Syiah moden, Ahmad Kazemi Moussavi (1996) di mana beliau menyatakan, perkembangan dan penyebaran *marja' al-taqlid* sebagai rujukan dan pakar perundangan Syiah yang tertinggi yakni *mujtahid*, adalah dipercayai disebabkan oleh kemajuan medium komunikasi dan mobilisasi. Kemudahan ini membolehkan penganut dan pengikut ajaran Syiah mendapatkan rujukan dan bersoal jawab dengan pakar perundangan mereka di Najaf, Karbala dan Qum tanpa perlu bersemuka. Sejarah masa lalu membuktikan bagaimana Revolusi Tembakau (1891-92) dan Revolusi Perlembagaan (1905-1911) yang berlaku di Iran, dicituskan menerusi pergerakan yang dijana oleh *mujtahid* Syiah yang menetap di Iraq. Dengan menggunakan teknologi telegraf yang ada ketika itu, fatwa-fatwa dan arahan yang dikeluarkan oleh Khomeini kepada pengikutnya dapat disalurkan dengan berkesan (M. Momen, 1985; Y. Nakash, 1994).

Perkara yang perlu di ambil perhatian adalah gerakan Syiah terpecah kepada beberapa kelompok dalam sejarah dunia Islam. Antara yang masih wujud dan memiliki pengamalannya hingga hari ini adalah Syiah Ismailiyyah, Syiah Zaidiyyah, Syiah Kaisaniyyah, Syiah Imamiyyah dan Syiah Ghulah yang mana masing-masing mempunyai pecahan lebih kecil. Namun yang membentuk majoriti penganut Syiah di dunia hari ini adalah dari fahaman Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah (Imam 12), yakni pecahan kecil daripada ajaran Syiah Imamiyyah (Nasir al-Din al-Hindi 2008).

Kepelbagaian medium penyampaian maklumat hari ini memungkinan bagi gerakan Syiah untuk mengukuhkan pengaruhnya di dunia. Boleh sahaja pemimpin Syiah merekrut lebih ramai penggerak jaringan maya dan laman sosial di seluruh dunia dan menaja mereka untuk mengurus dan menterjemah mesej-mesej yang disampaikan oleh pemimpin Syiah. Menerusi institusi serta jaringan kebajikan dan pendidikan yang luas, momentum yang dihasilkan pasti besar menerusi pengurusan dan pengiklanan mereka di Internet, khasnya media sosial seperti Facebook (Stephan Rosiny, 2007). Jika dahulu, perantara pengikut Syiah dengan Allah S.W.T. adalah melalui ibadat

ritual dan di tempat yang suci, dengan ucapan atau skrip manual, pada lokaliti seperti *hawzah*, masjid, *Husayniyyah* atau *ma'atim* yang bertindak menyusun kerangka gerakan untuk menyampaikan maklumat dan pemurnian agama (Syiah), dan akhir sekali menerusi *sayyid* yang didakwa berketurunan Nabi Muhammad serta memiliki ilmu yang mendalam, karisma serta komitmen agama.

Kini, sentuhan teknologi membawa evolusi kepada metodologi ritual peribadatan Syiah. Tiada lagi pemantauan perantara (*wakils*) yang menghubungkan dengan *marja's*, sebaliknya digantikan dengan norma-norma tempatan, negara mahupun peringkat global yang semakin mendapat perhatian dari kalangan pengikut Syiah. Ini termasuklah panduan amalan harian mula disebarikan menerusi buku, majalah, media massa, serta media digital seperti CD-ROM dan Internet, khasnya laman sosial (Stephan Rosiny, 2007). Kemudahan infrastruktur dengan masyarakat yang semakin kompleks mengakibatkan formasi jaringan yang pelbagai, misalnya *hawzah* untuk pengajaran dan pembelajaran, masjid dan *husayniyyah* untuk ritual amalan berjemaah, rumah penerbitan, radio sehingga kepada kemunculan komputer peribadi, *smartphone* dan *phone tab*. Semua ini telah memudahkan mobilisasi dan perpindahan maklumat antara pengikut dan pemimpin Syiah di seluruh dunia.

Gerakan Politik Syiah

Hari ini populasi Syiah semakin radikal dan dinamik sehingga peranan mereka dalam politik antarabangsa semakin signifikan. Hal ini lebih ketara dengan pergolakan yang berlaku di Timur Tengah yang merupakan percikan ketegangan antara pengikut Sunni dan pengikut Syiah sehingga membawa kepada pertumpahan darah dan nyawa. Evolusi pendekatan Syiah di seluruh dunia Islam ini mendapat perhatian beberapa pengkaji pergolakan Asia Tengah, misalnya yang di ungkapkan oleh Alagha (2006) di mana aplikasi amalan taqiyyah yang di amalkan oleh penganut ajaran Syiah ketika di ancam, telah di fatwakan oleh Ayatollah Khomeini sebagai satu jihad dalam masyarakat majoriti Syiah. Menurut Rainer Brunner (2009) kejatuhan Saddam Husayn merupakan titik bermulanya kemaraan aktivis Syiah dan semakin ekstrem dalam menegakkan pengaruhnya, hatta melibatkan serangan dan pembunuhan orang awam. Keadaan ini telah memaksa rakyat Iraq yang beraliran Sunni menukar nama mereka sesuai dengan penganut Syiah untuk mengelak dari menjadi mangsa serangan penganut Syiah. Thomas Pierret (2014) memberikan kesimpulan bahawa bentuk persekutuan yang kuat telah terjalin sekian lama antara perdana menteri Syria, Basyar Assad yang beraliran Syiah Nusairiyah dengan pimpinan Syiah Imamiyah di Lubnan dan Iran.

Abbas William Samii (2006) menyimpulkan kelompok Syiah di parlimen Lubnan mempunyai orientasi mengukuhkan blok mereka dalam negara tersebut, termasuklah pembentukan polisi terhadap negara-negara Arab. Di Mekah dan Madinah, Raihan Ismail (2012) mendedahkan

keberadaan beberapa kelompok aliran Syiah menunjukkan bahawa mereka mempunyai gerakan sulit dalam lokasi yang strategik ini. Seperti yang diungkapkan oleh Sheikh Abu 'Abd Allah al-Athari dalam tulisannya, beliau menjelaskan ciri-ciri utama kumpulan ini yang mempunyai hubungan dengan jemaah haji dari Iran. Di Afrika Timur, aliran Syiah semakin membesar dalam masyarakat asli Afrika. Ini kerana aktiviti yang digerakkan oleh Bilal Muslim Mission of Tanzania (BMM) adalah berteraskan kebajikan yang menekankan aspek kemanusiaan, pendidikan, taraf ekonomi dan kemudahan prasarana. Abbas Jaffer (2013) mengakui bahawa orientasi gerakan ini bersesuaian dengan situasi masyarakat Afrika yang dhaif, yang memungkinan aliran Syiah di Afrika Timur menjadi majoriti. Menurut Radhika Gupta (2014) dalam kajian mengenai hubungan Syiah kontemporari antara India dan Asia Barat, penubuhan pusat pendidikan seperti *madrassa* di Kargil, yang di asaskan segolongan ulama lepasan Najaf (Iraq) pada tahun 1950-an, memberikan tapak asas yang kukuh buat Syiah mengekalkan legasi mereka di India. Suatu menarik adalah melalui *madrassa* ini para pelajarnya boleh melanjutkan pengajian di Iraq atau Iran, dengan mendapat tajaan penuh. Secara sistematik, pelajar ini akan di latih dan dididik mengikut silibus pengajian Syiah, hingga akhirnya di lantik menjadi *mujtahid* untuk kawasan kampung masing-masing.

Di Barat, anggaran fakta yang dikeluarkan oleh CIA (Central Intelligence Agency), membuat kesimpulan terdapat kira-kira 300,000 penduduk di USA yang dikenalpasti beridentiti Syiah. Dalam pada itu, sehingga tahun 2012 terdapat tidak kurang 15 buah pusat komuniti atau markas Syiah di sekitar New York/New Jersey, di Queens, Brooklyn dan Long Island di New York dan melepasi New Jersey. Pusat komuniti Syiah ini terbuka untuk warga imigran baru dengan pelbagai perkhidmatan, ini termasuklah dewan perkahwinan, ruang pengebumian, sekolah dan kawasan untuk beribadah (Raza A. Mir, 2013). Dalam satu kenyataan yang dilaporkan oleh Asia Times, memetik kata-kata Sheikh Ayatollah Sistani yang menyebut bahawa jumlah pengikut Syiah di Asia Tenggara adalah 3 ke 4 juta orang. Meskipun kenyataan ini berupa propaganda, namun di sana masih terdapat andaian yang tidak dapat dinafikan. Christoph Marcinkowski (2008) menegaskan Indonesia merupakan negara yang memiliki populasi umat Islam tertinggi di dunia, dan berpotensi menjadi pusat penyebaran Syiah di Asia Tenggara. Kenyataan ini dikuatkan dengan mengambil kira situasi politik pasca zaman Suharto, gerakan Syiah di Indonesia mendapat ruang yang selesa untuk bergerak dalam iklim politik yang liberal. Mereka bebas menganjurkan wacana dan perbincangan intelektual, bertukar fikiran dengan tokoh masyarakat beraliran Sunni seperti Profesor Azyumardi Azra, yang merupakan sejarawan juga rektor bagi Universiti Islam Syarif Hidayatullah di Jakarta. Bahkan tokoh pemikir Indonesia yang terkenal, Profesor Rakhmat adalah pengasas kepada Jalal Center, yang menjadi pusat penyebaran falsafah beliau, yang berdasarkan kesufian pada abad pertengahan Islam. Di institut inilah, beberapa tokoh agamawan dari Iran telah dijemput untuk memberi syarahan rasmi (Christoph Marcinkowski, 2008). Berbanding di Singapura, Syiah di sini menurut Christoph Marcinkowski (2008) agak berbeza berbanding negara-negara Asia lain. Meskipun republik tersebut tidak mempunyai kedutaan mahupun pusat kebudayaan Iran, perkembangan Syiah di

Singapura dipantau oleh duta Iran di Indonesia. Gerakan Syiah di Singapura dipelopori oleh Himpunan Belia Islam dan Persatuan Muslim Jaafari. Mereka juga mengasaskan Yayasan MENDAKI, yang berperanan menjalankan kursus latihan kepimpinan, perbincangan, membantu organisasi kebajikan dan menyediakan pendidikan buat kaum wanita. Antara tokoh Syiah Imami yang berpengaruh dan memiliki aset 2 buah bangunan di Singapura adalah Ameerali Jumabhoy, berketurunan India.

Pergerakan Syiah di Malaysia

Tiga dekad selepas Revolusi Iran, hubungan Malaysia dengan Iran pada awal tahun 2014 agak tegang, lantaran tindakan kerajaan mengumumkan kempen anti-Syiah dan memfatwakan ajaran Syiah sebagai sesat dan terkeluar dari agama Islam (The Malaysian Insider, 2014). Meskipun sebelum ini, hubungan perdagangan dan pertukaran tenaga pakar antara dua negara ini berjalan dengan baik, di mana menurut anggaran konservatif, di Kuala Lumpur sahaja terdapat kira-kira 100,000 warganegara Iran, terdiri dari pensyarah universiti, pelajar serta golongan pelabur atau usahawan yang mana mempunyai hubungan dengan golongan politik (Christoph Marcinkowski, 2013). Beberapa tahun kebelakangan ini juga, seramai sepuluh ribu warga Iran telah bermigrasi ke Malaysia. Iklim Malaysia yang terbuka, berbeza dengan negara Barat, yang agak ketat dari sudut prosedur dan pelepasan sempadannya selepas peristiwa 11 September 2001. Kehadiran dalam jumlah yang besar ini juga menampakkan perkembangan kerjasama “Asia dengan Asia” dalam aspek pendidikan tinggi dan latihan vokasional antara Malaysia dan Iran. Tambahan pula, Malaysia memilih untuk bersikap terbuka dalam suasana sekatan antarabangsa ke atas Iran, bahkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran pada dasarnya mesra dan produktif.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh Christoph Marcinkowski (2013), beliau menjelaskan kebanyakan pengikut dan penganut Syiah di Malaysia memilih untuk bersikap baik dengan kelompok Sunni, di samping pendekatan taqiyya dalam urusan harian, untuk mengelak dari kesan. Pada sudut lain, golongan Syiah di Malaysia turut mengkritik dengan sikap liberal dan ‘double standard’ kerajaan berhubung persoalan agama Islam, dengan menyelar kerajaan Malaysia sebagai Sunni ‘ortodoks’ sedangkan mengamalkan ‘gaya hidup Barat yang korup’. Kebanyakan tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas pengikut Syiah adalah bersumberkan nilai politik semata-mata, berbanding pertimbangan agama, seperti melindungi konsep ‘perpaduan Melayu’. Atas faktor ini, kebanyakan aktiviti Syiah berlangsung di markas-markas mereka seperti husayniyyah dan hawzah, yang berperanan seperti masjid untuk mengumpulkan ahli-ahli Syiah. Dalam pada itu, keahlian Syiah paling ramai adalah dari kalangan graduan universiti serta mereka yang berminat dengan wacana intelektual, yang menjadi modal untuk Syiah di Malaysia untuk merekrut ahli-ahlinya (Christoph Marcinkowski, 2013).

Pelaksanaan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia telah memberikan tekanan dan halangan buat Syiah untuk melaksanakan ajarannya secara terang-terangan. Ditambah pula dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) yang memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menahan dan memenjara sesiapa sahaja yang dilihat boleh mengancam perpaduan masyarakat tanpa sebarang pembelaan. Dalam pada itu terdapat beberapa tokoh akademik telah menulis artikel dan makalah bagi membela nasib Syiah di Malaysia yang dilihat didiskriminasikan oleh kerajaan. Antaranya ialah seperti Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2014), pensyarah dan pengerusi pengajian Sains Politik, Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia secara jelas membela hak golongan Syiah di Malaysia untuk mengamalkan ajaran mereka, atas semangat negara yang berpendirian sederhana serta menerima konsep globalisasi. Nada yang sama turut di laungkan oleh Mohd Faizal Musa (2013), felo penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, memberikan penekanan aspek keberadaan Syiah di Tanah Melayu sejak abad ke 16, serta kebebasan beragama yang dinafikan untuk kelompok Syiah di Malaysia. Syed Farid Alatas (2014) profesor Sosiologi di National University of Singapore (NUS) tetapi warganegara Malaysia turut mengecam sikap pemimpin Muslim ekstrem (*ghuluw*) yang wujud di Malaysia, dengan tidak menafikan kewujudan kelompok Salafi-Wahabi dalam institusi kerajaan, serta penindasan yang dikenakan ke atas kelompok Syiah di Malaysia. Begitu juga halnya yang di tegur oleh Rodger Shanahan (2014), felo pelawat di National Security College terhadap tindakan undang-undang ke atas pengikut Syiah yang dilihat tidak adil dan lebih bermotif keuntungan politik. Dari beberapa pernyataan ini, dari sudut manusiawi isu penindasan dan penafian hak dan kebebasan beragama khususnya golongan Syiah begitu mendapat perhatian khusus dari kalangan ahli akademik.

Meskipun pada awal tahun 1990-an terdapat spekulasi dan andaian wujudnya usaha pengeksportan ideologi dan fahaman revolusi dari Iran menerusi kemasukan warga Iran dan kepulangan pelajar Malaysia yang belajar di Iran (Fred R. von der Mehden, 1990), juga diasosiasikan dengan isu Amanat Hadi dengan usaha menegakkan negara Islam, pendekatan revolusi dan pemaksaan ideologi tidak dapat diterima oleh masyarakat Asia Tenggara, khususnya Malaysia yang di huni pelbagai bangsa. Bagaimanapun, konsep langit terbuka dan dunia tanpa sempadan menerusi jaringan maya, usaha menyebarkan ideologi Syiah melalui laman maya masih relevan dan tidak dapat di nafikan. Konsep kerahsiaan dan persendirian yang di perkenalkan dalam rangkaian media sosial seperti Facebook merupakan ruang yang selesa buat pengikut untuk berdiskusi dengan mudah bersama-sama ahli-ahli mereka di seluruh dunia. Seperti mana penggunaan '*web camera*' untuk interaksi '*face to face*', maka kemungkinan besar teknologi ini di dimanfaatkan untuk berinteraksi secara langsung dengan pimpinan Syiah yang berpusat di Iran. Begitu juga dengan kemudahan transaksi dalam talian, pemindahan wang dalam jumlah yang besar semakin mudah dilakukan, dan seperti yang diketahui, '*marja*' ataupun pemimpin Syiah memerlukan sokongan wang dari para pengikutnya bagi di gunakan dalam gerakan mereka.

Kesimpulan

Sehingga kini, Syiah di Malaysia tetap membawa identiti Sunni (*taqiyyah*) kerana mereka merupakan kelompok minoriti yang terdedah dengan ancaman undang-undang ajaran sesat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) kerana dilihat menjejaskan keharmonian dalam masyarakat Islam. Meskipun dari sudut realitinya mereka terpaksa mengamalkan ajaran mereka secara berselindung, namun hal ini kontra dengan situasi di alam maya, khasnya laman sosial seperti Facebook, kelompok Syiah begitu tegar memanfaatkan kemudahan berhubung ini untuk mengumpulkan ahli-ahli mereka, di samping menjadi medan untuk menyebarkan pengaruh mereka dalam masyarakat Sunni di Malaysia dan Indonesia. Tidak dapat di nafikan kemungkinan Facebook menjadi ‘*hawzah*’ atau ‘*husayniyyah*’ kedua mereka jika di sana terdapat halangan dan kesukaran untuk pengikut Syiah bertandang ke markas mereka. Begitu juga penggunaan ‘*live video chat*’ serta ‘*live streaming*’ yang semakin popular hari ini, mampu menghubungkan pengikut setia Syiah dengan pemimpin-pemimpin utama mereka di Iran, mengadakan pertemuan dalam talian, syarahan dan pertemuan secara maya. Lantaran itu, pengaruh laman sosial seperti Facebook mampu menjadi alat buat gerakan Syiah di Malaysia untuk memobilisasi dan merekrut lebih ramai ahli mereka, di samping medium untuk menyebarkan ideologi dan fahaman yang sangat bertentangan dengan akidah Ahlul Sunnah wal Jamaah.

Rujukan

Abdul Hamid, Ahmad Fauzi. 2014. Shi‘a-Inspired Violence in Malaysia: A Possibility? [<http://www.mei.edu/content/map/shi%E2%80%98-inspired-violence-malaysia-possibility>; diakses pada 05 Ogos 2014].

Alagha, JE. 2006. *The Shift in Hizbullah’s Ideology. Religious Ideology, Political Ideology, and Political Program*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Alattas, Syed Farid. 2014. Salafism and the Persecution of Shi'ites in Malaysia.

[<http://www.mei.edu/content/map/salafism-and-persecution-shi%E2%80%98ites-malaysia>; di akses 05 Ogos 2014]

Ashaari Muhammad. 1987. *Bahaya Syiah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Shoutul Arqam.

Badlihisam Mohd Nasir & Napisah Karimah Ismail. 2011. Kepimpinan dan Kedudukan Ulama dalam Organisasi Parti Islam Semalaysia (PAS). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 116-123.

Beth Anderson, Patrick Fagan, Tom Woodnutt & Tomas Chamorro-Premuzic. 2012. Facebook Psychology: Popular Questions Answered by Research. *Psychology of Popular Media Culture* 1 (1): 23–37.

Brunner, Rainer. 2009. Shiism in the Modern Context: From Religious Quietism to Political Activism. *Religion Compass* 3(1): 136-153.

Esposito, John L. 1990. The Iranian Revolution: A Ten-Year Perspective. Dlm, John L. Esposito & James P. Piscatori (pnyt.). *The Iranian Revolution: Its Global Impact*, hlm. 17-39. Miami: Florida International University Press.

Gupta, Radhika. 2014. Experiments with Khomeini's Revolution in Kargil: Contemporary Shi'a networks between India and West Asia. *Modern Asian Studies*, 48(2):370-398.

Hindi, Nasir al-Din. 2008. *al-Suyuf al-Mushriqah wa Mukhtasar al-Sawa'iq al-Muhriqah*. Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari.

Ismail, Raihan. 2012. The Saudi Ulema and the Shi'a of Saudi Arabia. *Journal of Shi'a Islamic Studies* 5(4): 403-422.

Jaffer, Abbas. 2013. Conversion to Shi'ism in East Africa. *Journal of Shi'a Islamic Studies* 6(2): 131-154.

Marcinkowski, Christoph. 2008. Aspects of Shi'ism in Contemporary Southeast Asia. *Journal Compilation, Hartford Seminary*, 1: 36-71.

Marcinkowski, Christoph. 2013. The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia.

[<http://www.mei.edu/content/iranian-shii-diaspora-malaysia>; di akses 5 Ogos 2014]

Mehden, Fred R. Von Der. 1990. Malaysian and Indonesian Islamic Movements and the Iranian Connection. Dlm, John L. Esposito & James P. Piscatori (pnyt.). *The Iranian Revolution: Its Global Impact*, hlm. 233-254. Miami: Florida International University Press.

Mir, Raza A.. 2013. Religion as a coping mechanism for global labor: Lessons from the South Asian Shia Muslim diaspora in the US. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*, 32(3): 325-337.

M. Momen. 1985. *An Introduction to Shi'ite Islam: The History and Doctrines of Twelver Shi'ism*. New Haven, London: Yale University Press.

Mohd Aizam Mas'od. 2013. *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Moussavi, Ahmed Kazemi. 1996. *Religious Authority in Shi'ite Islam: From the Office of Mufti to the Institution of Marja'*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

Musa, Mohd Faizal. 2013. The Malaysian Shi'a: A Preliminary Study of Their History, Oppression, and Denied Rights. *Journal of Shi'a Islamic Studies*, 6(4): 411-463.

Pew Research Centre. 2009. Sunni and Shia populations. Mapping the Global Muslim population, <http://www.pewforum.org/2009/10/07/mapping-the-global-muslim-population/> (di akses pada 7 November 2014).

Pierret, Thomas. 2014. The Syrian Baath Party and Sunni Islam: Conflicts and Connivance. *Middle East Brief*. Crown Center for Middle East Studies, Brandeis University, February 2014.

Riduan Mohamad Nor. 2004. *Abdul Hadi Awang Murabbi, Ideologue, Pemimpin*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Rosiny, Stephan. 2007. The Twelver Shia Online: Challenges for its Religious Authorities. Dlm. Alessandro Monsutti, Silvia Naef & Farian Sabahi (pnyt.). *The Other Shiites: From the Mediterranean to Central Asia*, hlm. 245-262. Switzerland: Peter Lang AG, International Academic Publishers.

Shanahan, Rodger. 2014. Malaysia and its Shi'a "Problem". [<http://www.mei.edu/content/map/malaysia-and-its-shi%E2%80%98%E2%80%9Cproblem%E2%80%9D>; di akses 05 Ogos 2014]

William Samii, Abbas. 2006. Shiites in Lebanon: The Key to Democracy. *Middle East Policy* 13(2): 30-37.

Y. Nakash. 1994. *The Shi'is of Iraq*. Princeton: Princeton University Press.

Zulkifli Sulong & Daniel Lau. 2014. Iranian traders boycott Malaysian goods over Umno's anti-Shia campaign – [<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/iranian-traders-boycott-malaysian-goods-over-umnos-anti-shia-campaign#sthash.DITZSjfq.dpuf> di akses 10 nov 14]